

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : LAPORAN KHAS

KETUM RAWAT MASALAH KETAGIHAN DADAH OPIAT

Kementerian Kesihatan sedia teroka rawatan alternatif dadah

➔ Perlu lalui kajian lebih terperinci buktikan tumbuhan miliki potensi

Oleh Suzalina Halid
suzalina@nstp.com.my

✦ Kuala Lumpur

Kementerian Kesihatan bersedia 'meneroka' pilihan yang ada termasuk ketum bagi dijadikan rawatan alternatif untuk mengubati masalah ketagihan dadah jenis opiat memabihkan heroin dan morfin dalam kalangan penagih.

Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye, berkata pihaknya

boleh mempertimbangkan kaedah rawatan alternatif menggunakan ketum sekiranya bahan itu terbukti mampu bertindak merawat masalah berkaitan dadah jenis opiat.

"Kita bersedia meneroka pilihan yang ada sekiranya memang ada potensi atau kajian menyeluruh membuktikan mengenai perkara itu sebelum ia boleh dipertimbangkan," katanya kepada BH, di sini.

Beliau berkata demikian bagi mengulas cadangan penyelidik dari Universiti Sains Malaysia (USM) supaya ketum dibangunkan sebagai kaedah rawatan alternatif bagi merawat masalah ketagihan dadah jenis opiat.

Miliki potensi

Penyelidik dari Pusat Penyelidikan Dadah dan Ubat-ubatan USM, Dr Darshan Singh, dilaporkan berkata manfaat ketum sebagai rawatan alternatif itu diperoleh hasil kajian pihaknya sejak 2010 yang mem-



Kementerian Kesihatan sedia mempertimbangkan kaedah rawatan alternatif mengguna ketum jika terbukti mampu mengatasi masalah berkaitan dadah jenis opiat.



Cadangan penyelidik itu disifatkan hanya berada pada peringkat permulaan dan ia memerlukan kajian lebih terperinci"

Dr Lee Boon Chye,
Timbalan Menteri Kesihatan

buktikan bahawa tumbuhan itu berupaya menjadi komponen pengurangan kemudaratan terhadap opiat.

Boon Chye berkata, kementerian pada masa sama tiada halangan bagi mana-mana penyelidik menjalankan kajian terhadap sebarang bahan yang berpotensi dijadikan rawatan alternatif termasuk ketum.

Bagaimanapun, katanya, cadangan penyelidik itu disifatkan hanya berada pada peringkat permulaan dan ia memerlukan kajian lebih terperinci serta menyeluruh untuk membuktikan keupayaan daun ketum itu sebagai rawatan alternatif.

"Jika ada saintis yang berminat atau sedang melakukan kajian (terhadap ketum), kita tiada halangan untuk mereka kerana sama ada bahan itu boleh dijadikan rawatan alternatif, ia memerlukan penyelidikan selanjutnya," katanya.

Beliau berkata, penyelidik yang

berminat membawa hasil kajian terhadap ketum ke peringkat lebih tinggi boleh mengemukakan permohonan terabit ke Bahagian Perkhidmatan Farmasi untuk tindakan selanjutnya.

Tiada permohonan

"Namun, sehingga kini, saya dimaklumkan tiada permohonan daripada mana-mana penyelidik mahupun kelulusan dibuat berhubung penggunaan ketum sebagai rawatan alternatif," katanya.

Mengenai dana yang diperlukan penyelidik untuk menjalankan kajian terperinci termasuk ujian klinikal terhadap keupayaan ketum sebagai rawatan alternatif, Boon Chye berkata, ia boleh dimohon melalui Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) atau Unit Penyelidikan (CRC).

"Bukan semua penyelidikan boleh mendapat dana. Kita mungkin akan menyokong (memberikan dana) yang benar-benar berpotensi untuk berjaya," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
 MUKA SURAT : 18
 RUANGAN : SENTRAL

Kementerian tumpu tiga isu HTAA

Masalah parkir, peralatan dan blok baharu wad diberi perhatian

NOR KHALILAH GUSTI HASSAN

KUANTAN

Kementerian Kesihatan akan memberikan tumpuan terhadap tiga permasalahan di Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) iaitu parkir, peralatan dan blok baharu untuk wad wanita dan kanak-kanak.

Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye

berkata, HTAA pada masa kini berupaya menampung 851 katil dan telah memberikan perkhidmatan yang baik meskipun menghadapi kekangan kakitangan dan sumber.

"Pada sidang dialog bersama warga HTAA antara masalah yang dibangkitkan adalah berkenaan parkir yang tidak cukup dan terlalu padat.

"Kementerian sedang mempertimbangkan solusi seperti cadangan parkir bertingkat. Ini kerana bukan sahaja para pesakit dan waris, bahkan kakitangan sendiri berdepan masalah tak cukup parkir ini," katanya pada sidang media selepas Lawatan Kerja Timbalan Menteri dan Sesi Dialog bersama warga ke-



Dr Boon Chye (dua dari kanan) pada sidang media di HTAA, Kuantan, semalam.

sihatan negeri Pahang.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Pahang (JKNP), Datuk Dr Shaari Ngadiman; Pengarah HTAA Norazmi Abdullah dan ADUN Terun-

tum, Sim Chon Siang.

Boon Chye berkata, sebagai mengurangkan masalah parkir di pinggir jalan utama berhadapan HTAA, pihak pengurusan sudah berbincang dengan Majlis

Perbandaran Kuantan (MPK).

"MPK telah berbesar hati menyediakan parkir secara percuma di padang MPK manakala hospital menyediakan perkhidma-

tan *shuttle transfer* secara percuma ke HTAA. Dua *shuttle van* disediakan untuk pengangkutan orang awam dari parkir MPK ke HTAA untuk mengurangkan kesesakan.

"Jadi orang ramai digalakkan meletakkan kenderaan di parkir MPK dan menggunakan pengangkutan ini," katanya.

Dalam pada itu, Boon Chye berkata, beliau ada menerima permohonan daripada persatuan berkitan kedai kopi untuk menyediakan tempat khas kepada perokok di kedai mereka.

Menurutnya, perkara itu akan dibincangkan dan satu sesi dialog khas bersama pemilik pemilik kedai kopi akan diadakan.